

# Mengubah minda Melayu



## Cetusan Pemikiran

DR. SYED ALI TAWFIK AL-ATTAS

**SESUNGGUHNYA**, kita percaya bahawa negara Malaysia sedang berusaha mencari pendekatan yang serba baru, dan bahawa negara ini di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berusaha mencari mereka yang serba berani dan berkebolehan melahirkan buah fikiran yang bernas yang mampu membawa kepada faham yang bermakna. Perdana Menteri sendiri pernah berkata, bahawa masa untuk bertindak telah pun sampai. Sebelum kita bercakap mengenai pendekatan yang harus diamalkan demi membawa perubahan minda di kalangan orang-orang Melayu, adalah wajar kita menjelaskan sedikit sebanyak mengenai perubahan yang dimaksudkan, memahami istilah 'minda' tersebut, dan siapakah yang dimaksudkan dengan penggunaan istilah 'Melayu'. Sepintas lalu, rakyat Malaysia telah pun menyaksikan Perhimpunan Agung UMNO yang serik dengan niat membahaskan 'agenda Melayu'. Sekiranya agenda tersebut tidak melibatkan semua orang Melayu tetapi hanya mereka yang patuh kepada pertubuhan UMNO, maka pendekatan tersebut tidak harus ditakrifkan sebagai 'agenda Melayu' tetapi sebaliknya 'agenda Melayu UMNO'.

Apakah perubahan yang dimaksudkan apabila membincangkan cara mengubah minda Melayu? Adakah perubahan yang dimaksudkan menjurus kepada kebaikan ataupun sebaliknya? Sesungguhnya, kita percaya bahawa yang dimaksudkan ialah membawa kepada kebaikan. Seawal tahun 1970, Pemuda UMNO telah menghasilkan sebuah buku yang mengandungi himpunan kertas kerja yang ditulis oleh pemimpin-pemimpin serta mereka yang digelar cerdik pandai berkenaan cara mengubah minda Melayu. Natijahnya, buku tersebut diterbitkan dibawah nama *Revolusi Mental*. Isi kandungan buku tersebut telah mengambil rujukan daripada beberapa surah yang terkandung di dalam kitab al-Quran, himpunan hadis sahih, serta hikmah daripada tamadun-tamadun lain khususnya tamadun Barat dan Cina. Apakah benar tafsiran yang dipetik daripada kitab al-Quran? Jika sesungguhnya pendekatan yang terkandung di dalam buku tersebut dijadikan iktibar, mengapakah usaha-usaha mengubah minda Melayu dibangkitkan semula?

Walaupun usaha yang diambil oleh Pemuda UMNO pada tahun 1970 dibuat dengan niat yang suci, pada pendapat saya tafsiran ayat al-Quran yang merujuk kepada perubahan, disalahtafsirkan. Ayat yang dimaksudkan ialah daripada surah al-Ra'd, ayat 11 yang bermaksud: *Sesungguhnya Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum sebelum kaum itu mengubah apa yang ada pada dirinya sendiri.*

Ayat tersebut dijadikan rujukan dan ditafsirkan oleh rangkaian pengarang buku *Revolusi Mental* sebagai membawa maksud 'perubahan demi kebaikan'. Akan tetapi, merujuk kepada ayat tersebut, istilah ghayr yang membawa maksud 'mengubah' di dalam bahasa Melayu tidak membawa maksud 'mengubah demi kebaikan' sama sekali, tetapi sebaliknya membawa maksud 'mengubah demi keburukan'. Ini adalah kerana mengikut takrif istilah ghayr di dalam bahasa Arab, ianya selalu merujuk kepada perubahan yang tidak baik. Maka ayat tersebut sesungguhnya membawa erti bahawa semua yang terkandung dalam alam semesta diciptakan Allah s.w.t. mengikut fitrah yang baik lagi sempurna. Sekiranya ciptaan-Nya diubah menjadi batil dan buruk, ini adalah perbuatan manusia semata-mata. Oleh yang demikian, ayat tersebut haruslah diterjemahkan supaya membawa kepada faham berikut:

*Sesungguhnya Allah tidak mengubah [menjadi batil] nasib sesuatu kaum sebelum kaum itu mengubah [menjadi batil] apa yang ada pada dirinya sendiri.*

Saya percaya bahawa sekiranya ayat tersebut ditafsirkan dengan betul sewaktu Pemuda UMNO melancarkan penerbitan *Revolusi Mental*, kemungkinan besar

harapan dan niat mengubah minda Melayu menuju kebaikan boleh tercapai. Ini tidak bermaksud bahawa perubahan ke arah kebaikan tidak akan tercapai buat selamanya. Usaha menuju pencapaian niat murni ini telah pun bermula, dan insya-Allah akan tercapai jua dewasa kelak.

Setelah mendapati bahawa perubahan yang dimaksudkan membawa makna yang menjurus kepada 'kebaikan', soalan seterusnya, bagaimanakah kita harus memahami takrif istilah 'minda' yang disebut serentak dengan faham perubahan itu tadi? Istilah 'minda' itu pada hakikatnya adalah suatu istilah yang dipinjam daripada istilah bahasa Inggeris, 'mind', seolah-olah tiada istilah sempurna yang terkandung di dalam bahasa Melayu yang berupaya mencerminkan faham dan makna istilah 'mind'. Faham istilah 'mind' berbeza dengan istilah 'brain', di mana takrif istilah kedua merujuk kepada unsur jasmani manakala takrif istilah pertama merujuk kepada unsur rohani, akan tetapi amalan berfikir tidak jelas. Oleh yang demikian boleh dirumuskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan istilah 'minda' merujuk kepada unsur rohani. Sekiranya ini yang dimaksudkan, istilah yang terkandung di dalam bahasa Melayu lebih menepati kehendak jasmani dan rohani dengan serentak. Istilah yang dimaksudkan di sini ialah 'akal fikiran', di mana istilah 'akal' merujuk kepada unsur jasmani manakala istilah 'fikiran' (*thought*) merujuk kepada unsur rohani serta memberi maksud amalan berfikir dengan serentak. Merujuk kepada penggunaan istilah, mungkin ada yang ingin bertanya, adakah ianya penting menggunakan bahasa yang tepat? Apa salahnya menggunakan istilah-istilah daripada bahasa asing sedangkan istilah-istilah tersebut juga mampu membawa kepada faham yang bermakna konon?

### Takrif Melayu

Dalam pada menjawab soalan-soalan tadi, maka adalah wajar perkara takrif 'Melayu' dibincangkan. Siapakah mereka yang bergelar Melayu? Untuk menjawab soalan tersebut, marilah kita sama-sama renungkan dan mengimbas kembali takrif istilah 'Melayu' yang dikemukakan oleh pengasas UMNO, Dato' Onn Ja'afar. Menurut beliau, takrif Melayu membawa makna bahawa mereka yang bergelar Melayu itu pada hakikatnya beragama Islam, serta mengamalkan budaya Melayu yang pada asasnya dibentuk oleh tamadun Islam, dan bertutur dalam bahasa Melayu yang pada dasarnya dizahirkan oleh agama Islam.

Takrif Dato' Onn Ja'afar tadi yang merujuk kepada istilah dan faham Melayu kemudiannya diguna pakai dalam Perlembagaan Malaysia. Merujuk kepada Akta 160 Perlembagaan Malaysia, takrif Melayu sebagaimana yang dijelaskan sebentar tadi terkandung dengan dua pindaan. Selain daripada takrif sebentar tadi, ada dua lagi syarat yang menentukan seseorang itu Melayu; pertamanya bahawa dia dilahirkan di negeri Tanah Melayu kepada bapa yang digelar Melayu yang menepati takrif tadi; atau bahawa dia dilahirkan di luar negeri Tanah Melayu di mana bapanya bergelar Melayu. Akan tetapi, unsur yang membawa kepada faham pengenalan diri (*identity*) sesungguhnya adalah agama Islam itu sendiri.

Hatta, maka bahasa merangkumi unsur faham pengenalan diri. Akan tetapi unsur tersebut hanya terdapat di dalam bahasa-bahasa tamadun Islam, antaranya bahasa Arab, Farsi, Melayu, Othmani, dan Urdu. Ini adalah kerana istilah-istilah asas yang terkandung di dalam bahasa tersebut berupaya mencerminkan hikmat tasawurnya (*conceptual philosophy*) sebagaimana ianya ditakrifkan mengikut rangka pandangan hidup Islam. Adalah tidak benar sekiranya dikatakan semua bahasa berupaya mencerminkan hikmat tasawurnya, terutama sekali bahasa-bahasa Barat (*the romance languages*). Oleh yang demikian, kita berupaya membuat simpulan bahawa bahasa-bahasa yang terkandung di bawah tamadun Islam merupakan bahasa mantiqi (*languages of reason*), manakala bahasa bahasa Barat tidak boleh ditakrifkan sedemikian. Akan tetapi, apakah hubungan di antara bahasa dan berfikir?

Merujuk kepada khazanah ilmu tamadun Islam semasa zaman kegemilangannya, terdapat seorang ulama yang tersohor bernama Abu Bishr Matta ibn Yunus (940M). Beliau merupakan seorang ulama dalam bidang ilmu

mantiq. Abu Bishr berpendapat bahawa lazimnya ilmu mantiq lebih utama berbanding bahasa; mereka yang digelar ulama dalam bidang mantiq tidak bergantung kepada bahasa, sebaliknya mereka yang digelar ulama dalam bidang bahasa amat bergantung kepada ilmu mantiq. Menurut beliau, ini adalah kerana ilmu mantiq mengkaji fikiran manakala bahasa mengkaji pertuturan. Oleh yang demikian ilmu mantiq menduduki martabat yang lebih tinggi berbanding ilmu bahasa. Menurut Abu Sa'id al-Sirafi pula (932M), ilmu mantiq merupakan satu ciri bahasa; kedua-duanya, yakni mantiq dan bahasa mengkaji pertuturan dan oleh yang demikian, ilmu mantiq mencerminkan penggunaan bahasa yang betul dan tepat. Di sini kita boleh mengambil natijah bahawa kedua dua ilmu mantiq dan bahasa adalah saling bergantung di antara satu sama lain. Ini bermakna bahawa cara kita berfikir bergantung kepada bahasa manakala pertuturan kita mencerminkan fikiran. Nyata bahawa terdapat apa yang dikatakan sebagai mantiq bahasa; bermakna bahasa itu bersifat mantiqi dan yang dizahirkan menerusi penggunaan bahasa yang disusun menurut aliran fikiran yang betul lagi tepat. Mengambil bahasa Melayu sebagai contoh, kita telah pun menyifatkan bahasa tersebut sebagai bahasa mantiqi. Oleh yang demikian ia lazimnya mencerminkan fikiran yang bersifat mantiqi. Tetapi sekarang kita ingin mengubah 'minda' Melayu; ini bermaksud kita harus mengubah bahasa Melayu, manakala sebentar tadi kita menyifatkan bahasa Melayu sebagai bahasa yang membawa kepada pengenalan diri. Maka sekiranya kita mengubah bahasa Melayu, lazimnya kita akan mengubah pengenalan diri kita. Tetapi hakikatnya ialah kita sudah pun berada di ambang kejahilan yang tidak lagi mengenal diri kita sendiri disebabkan perubahan bahasa. Lebih-lebih lagi, dalam pada mengubah bahasa kita telah menggadaikan tanggungjawab berfikir tanpa menyedarinya. Hasilnya, kefahaman disempitkan manakala kejahilan dibiarkan bermaharajalela dengan serentak. Pendidikan bahasa Melayu di sekolah-sekolah rendah, menengah dan kuliah pengajian tinggi tidak melibatkan tatacara bahasa, syarat-syarat penggunaan bahasa, mahupun kefahaman berkenaan pertuturan bahasa yang bersifat mantiqi. Kesudahannya orang Melayu sendiri telah menggadaikan peluang kemajuan. Disebabkan kita sendiri yang tidak memartabatkan penggunaan bahasa Melayu yang tepat dan betul, akal fikiran kita juga tidak dididik mengikut acuan mantiqi; dan sebaliknya disebabkan fikiran kita tidak berlandaskan cara berfikir yang betul, hakikat zahirnya dicerminkan melalui penggunaan bahasa yang tidak membawa kepada faham yang bermakna.

Saya berpendapat bahawa inilah satu daripada sebabnya orang Melayu disifatkan sebagai kurang tajam dalam bidang sains, ilmu hisab, dan didapati sukar memperoleh kemahiran dalam mempelajari bahasa-bahasa asing, terutamanya bahasa-bahasa Barat, khususnya bahasa Inggeris. Walaupun bahasa-bahasa Barat tidak disifatkan sebagai bahasa mantiqi, ianya diajar menurut urutan mantiq. Oleh yang demikian, bahasa-bahasa tersebut berjaya menyamar sebagai bahasa mantiqi walaupun makna istilah-istilah yang diguna pakai itu sendiri tidak mempunyai hikmat tasawurnya. Natijahnya, pandangan hidup mereka sentiasa dalam keadaan terumbang-ambing, yang tidak menentu, yang kerap diperbaharui selaras dengan perkembangan arus sains dan sejarah manusia.

Mungkin ada pula pendapat yang menyoal kaitan di antara berfikir dan bahasa, dan mengubah minda Melayu. Menurut mereka, apa yang dipersoalkan di sini tiada kaitannya dengan persoalan Melayu berfikir tetapi lebih menjurus kepada mengubah tingkah laku dan sikap orang Melayu. Kita akan menjawab bahawa sebagaimana yang disebutkan sebentar tadi, cara bertutur mencerminkan isi kandung fikiran, dan sebaliknya isi kandung fikiran itu bergantung kepada penggunaan bahasa. Lebih dari itu, sikap dan amalan menjadi zahir berasaskan kefahaman, yang mencerminkan cara berfikir, yang saling bergantung kepada penggunaan bahasa yang tepat. Oleh kerana itu, sekiranya niat kita ialah supaya mengubah sikap dan amalan orang Melayu, maka adalah wajar supaya cara berfikir dan penggunaan bahasa yang tepat dijadikan matlamat utama.

**Adalah tidak wajar memberi penghormatan kepada segelintir mereka yang membawa kepada kejahilan dan kemunduran hanya kerana mereka telah dinobatkan sebagai ulama oleh sejumlah kecil pemimpin.**

### Ulama

Malangnya, hakikatnya hari ini sebahagian di antara mereka yang bergelar ulama sebenarnya juhala'. Ada juga sebahagian yang bergelar ulama

hanya berdasarkan kepada pegangan aliran siasah, ada juga yang dinobatkan oleh segelintir pemerintah dan pemimpin berdasarkan kepakaran mengampuni. Maka tidak hairan sekiranya sebahagian rakyat jelata disifatkan sebagai jahil dan merosot. Golongan para pemimpin harus faham bahawa mereka yang benar-benar alim tidak perlu bergantung kepada mereka untuk dinobatkan sebagai alim. Sayidina Ali ibn Abi Talib pernah berkata, jangan sekali-kali mengukur ilmu berdasarkan siapa yang membawanya, sebaliknya jadikanlah ilmu yang dibawa oleh seorang itu sebagai tanda ukur keilmuannya. Oleh yang demikian, adalah tidak wajar memberi penghormatan kepada segelintir mereka yang membawa kepada kejahilan dan kemunduran hanya kerana mereka telah dinobatkan sebagai ulama oleh sejumlah kecil pemimpin atau pihak yang berkuasa yang tidak bergelar ulama sendiri. Akan tetapi hakikatnya ialah sebahagian yang bergelar ulama di antara golongan orang Melayu hari ini sebenarnya tidak layak memikul amanah tersebut. Golongan yang dimaksudkan inilah yang diamanahkan sebagai penasihat agama kepada sebahagian para pemimpin. Merekalah yang menzalimi golongan para ulama yang sah disebabkan ketandusan ilmu mereka. Merekalah yang mendiamkan diri semasa Perhimpunan Agung UMNO yang membahaskan agenda Melayu. Merekalah yang mencetuskan kekeliruan dan kecevaruan yang membawa kepada kemelut dan kezaliman. Hakikat ini jelas diperlihatkan sekarang berdasarkan kemelut yang melanda golongan orang Melayu. Untuk mengatasi masaalah yang melanda kita sekarang, haruslah kita mengimbas semula kedudukan maruah bangsa, dan seterusnya menolak mereka yang membawa kepada kekeliruan dan fitnah. Insya-Allah kita semua akan mengambil iktibar daripada isi kandungan makalah ini, dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memperbaiki kemiskinan peradaban kita. Mudah-mudahan Allah akan memberkati kita dalam usaha mengubah demi kebaikan akal fikiran golongan Melayu yang disebutkan sebentar tadi.

Wallahualam bissawab.

● DR. SYED ALI TAWFIK AL-ATTAS  
ialah Ketua Pengarah Institut Kefahaman  
Islam Malaysia (IKIM).

Um- 15/4/2007